


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah berkaitan dengan aktiviti sukan di sekolah. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah sukan di sekolah. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FAEDAH-FAEDAH AKTIVITI SUKAN DI SEKOLAH



Bahagian B
[100 markah]
[Masa dicadangkan : 1 jam30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**

- 1 Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di negara kita menyebabkan perkhidmatan kafe siber wujud secara meluas. Namun begitu, kafe siber sering dikaitkan dengan gejala-gejala yang tidak sihat dan telah merosakkan akhlak remaja.

Berikan pendapat anda.

- 2 Sungai merupakan anugerah Tuhan yang semakin tercemar oleh aktiviti manusia yang tidak terkawal. Sehubungan dengan itu, anda ingin menyertai satu pertandingan syarahan yang bertajuk “Usaha Menjaga Kebersihan Sungai Tanggungjawab Bersama” sempena sambutan Minggu Alam Sekitar.

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

- 3 Amalan membaca perlu dijadikan sebagai budaya hidup dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun begitu, banyak pendapat mengatakan bahawa remaja kini kurang membaca.

Bincangkan manfaat amalan membaca, khususnya kepada golongan remaja.

- 4 Kerjasama pada peringkat antarabangsa untuk memartabatkan bidang pendidikan dapat mensejahterakan kehidupan masyarakat sejagat.

Jelaskan faedah-faedah yang diperolehi melalui jalinan kerjasama ini.

- 5 Setiap karya sastera seperti pantun, sajak, seloka, gurindam, dan cerpen mengandungi nilai dan pengajaran yang dapat dijadikan panduan ketika melayari kehidupan.

Selaku pengarang majalah sekolah, anda dikehendaki menulis satu karangan tentang peranan pantun dalam kehidupan kita.

Tulis karangan itu selengkapnya.

- KERTAS SOALAN TAMAT -